

## Pengubahan Wang Haram di Malaysia: Analisis Kes Mahkamah (*Money Laundering in Malaysia: An Analysis of Court Cases*)

KHALIJAH AHMAD, AMIRUL NASIR & ZAKIAH MUHAMMADDUN MOHAMED

### ABSTRAK

*Pengubahan wang haram merupakan satu jenayah yang semakin berleluasa di Malaysia. Ini berlaku disebabkan oleh peningkatan dalam aktiviti jenayah pada masa ini. Banyak negara di dunia telah membentuk satu rejim undang-undang berhubung pengubahan wang haram bagi menyekat dan membendung jenayah ini. Matlamat asal usaha untuk menyekat aktiviti wang haram adalah untuk menutup peluang penjenayah untuk menggunakan hasil jenayah mereka, terutamanya untuk membiaya jenayah terancang yang lain. Walau bagaimanapun, buat masa ini terdapat persoalan sama ada matlamat asal akta ini akan tercapai ataupun tidak. Kajian ini bertujuan menganalisa kes-kes yang telah didakwa di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001 dan melihat bagaimana penyelesaian kes-kes ini di mahkamah Malaysia. Menggunakan kaedah analisis kandungan, kajian ini telah meneliti keputusan mahkamah bagi 15 kes di bawah AMLATFPUAA dan mendapati terdapat beberapa jenayah predikat yang telah dikenalpasti. Dari aspek hukuman, mahkamah didapati lebih cenderung memberi hukuman penjara dan denda yang mana denda yang dikenakan bagi hampir keseluruhan kes adalah bersamaan jumlah wang haram yang terlibat dalam kes tersebut.*

*Kata kunci: pengubahan wang haram; kes mahkamah; pendakwaan; kesalahan predikat dan AMLATFPUAA 2001*

*(JEL): K42 Perlakuan menyalahi undang-undang dan penguatkuasaan undang-undang*

### ABSTRACT

*Money laundering has become a rampant crime in Malaysia. This due to the fact that criminal activities have increased significantly in recent years. Countries around the globe have regulated their own regime of anti money laundering laws to curb and prevent this crime. The initial objective of such law is to diminish any opportunities to use their ill-gotten funds, particularly in financing other organized crimes. However, currently there are concerns on whether this initial objective has already been met. This study analyzes cases prosecuted under Anti Money laundering, Anti Terrorist Financing and Proceeds from Illegal Activities (AMLATFPUAA) 2001 and reports on the outcome of these cases. This study uses content analysis method to analyze 15 cases and the cases respective predicate offences. For the sentence, the courts are observed to incline in giving a jail sentence and a penalty, in which for most cases the penalty is equivalent to the value of illegal money involved in the cases.*

*Keywords: Money laundering case; court cases; prosecution; predicate offence and AMLATFPUAA 2001*

*(JEL): K42 Illegal behavior and the enforcement of law*

### PENDAHULUAN

Pengubahan wang haram merupakan satu jenayah yang semakin meningkat pada dekad ini. Menurut laporan dari Global Financial Integrity Report yang berpangkalan di Washington, Malaysia berada pada kedudukan kelima dunia dengan pengaliran keluar wang haram berjumlah US\$39.49 bilion (Kar & Spanjers 2014). Walaupun terdapat pelbagai langkah yang telah diambil oleh pihak berwajib untuk menangani masalah ini, bilangan kes pengubahan wang haram didapati meningkat selaras peningkatan jenayah-jenayah lain dan keadaan ini bukan hanya berlaku di Malaysia tetapi juga di seluruh dunia. Sebagai contoh, data statistik menunjukkan pengeluaran wang haram daripada negara-negara membangun meningkat secara purata 9.4 peratus setahun (Kar & Spanjers 2014).

Perhatian yang serius terhadap aktiviti pengubahan wang haram bermula dengan termeterainya konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Jenayah Terancang Transnational di Palermo Italy pada tahun Disember 2000 (UN 2004). Semua negara yang terlibat telah berusaha untuk memastikan intipati konvensyen ini dilaksanakan di negara masing-masing. Konvensyen ini menjadi kerangka kerja untuk negara yang menyertai konvensyen ini dalam menggalakkan kerjasama untuk menghalang dan menangani jenayah merentasi sempadan dengan lebih berkesan. Antara inipati konvensyen ini, berdasarkan Artikel 18, perenggan ketiga daripada konvensyen tersebut Malaysia telah melantik peguam negara sebagai penguatkuasa utama dan Artikel 31 (perenggan keenam) menamakan badan-badan seperti Kementerian

Keselamatan Dalam Negeri, Kementerian Dalam Negeri, Pejabat Peguam Negara, PDRM, SPRM, BNM, Imigresen dan Agensi Dadah Kebangsaan untuk membantu negara-negara lain yang terlibat membangunkan bagi menangani jenayah merentasi sempadan (UNTC 2002). Adalah penting jenayah merentasi sempadan negara perlu dibanteras oleh negara-negara terlibat sebagai usaha membendung jenayah perubahan wang haram daripada terus meningkat (The Star 2009). Malaysia sebagai salah sebuah negara anggota telah menahut saranan konvensyen Palermo (2000) tersebut dengan meluluskan Akta Pencegahan Perubahan Wang Haram (AMLA) 2001 yang telah digazetkan pada 5 Julai 2001 dan berkuatkuasa pada 15 Januari 2002. Akta ini telah dipinda pada tahun 2008 dan dikenali sebagai Akta Pencegahan Perubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (AMLATFA 2001) dan dalam tahun 2014, akta ini dipinda lagi dan dinamakan Akta Pencegahan Perubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001).

Menurut AMLATFPUAA 2001 ini, setiap dakwaan untuk kes perubahan wang haram perlu dibuktikan dengan kesalahan predikat (atau juga dipanggil kesalahan berat menurut AMLATFPUAA 2001) bagi mengesahkan wang tersebut adalah wang haram. Di Malaysia, jenayah predikat yang dimaksudkan di bawah Akta ini telah disenaraikan dalam Jadual Kedua; yang merangkumi 41 Akta yang dikendalikan oleh pelbagai agensi penguatkuasa (AMLATFPUAA 2001). Di peringkat global, jenayah predikat untuk jenayah perubahan wang haram adalah jenayah serius antara lain seperti penganjuran dadah, penyeludupan, penipuan, jenayah kewangan yang serius dan penjualan hasil rompakan (Mugarura 2011). Jenayah-jenayah predikat ini merupakan jenayah terancang yang berat dilakukan oleh sindiket atau kongsi gelap. Masalah yang dihadapi oleh pihak pendakwa adalah untuk membuktikan bahawa jenayah predikat telah berlaku dan wang atau harta yang dikenal pasti adalah hasil daripada perbuatan jenayah tersebut.

Walaupun Parlimen Malaysia telah meluluskan Akta untuk menangani perubahan wang haram sejak dari tahun 2001, namun belum ada usaha untuk menilai kejayaan Malaysia dalam menangani masalah jenayah berat seperti yang dihasratkan dalam Konvensyen Palermo 2000. Kajian di Rusia telah mendapati bahawa rejim anti perubahan wang haram di negara tersebut tidak berkesan atau gagal menepati hasrat dalam menangani jenayah terancang dan pembiayaan keganasan tetapi lebih menjurus kepada mengukuhkan sistem perbankan di negara tersebut (Orlova 2008).

Kajian ini bertujuan menganalisa kes-kes yang telah didakwa di bawah Akta Pencegahan Perubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001 dan melihat bagaimana penyelesaian kes-kes ini di mahkamah di Malaysia. Dengan menggunakan kaedah analisis kandungan, artikel ini akan melihat keputusan kes-kes oleh mahkamah di Malaysia yang dilaporkan dalam

*Current Law Journal* (CLJ) untuk melihat jenis jenayah predikat serta hukuman yang dikenakan ke atas penjenayah dalam tempoh 13 tahun (2005 ke 2017) kebelakang bagi mengenal pasti tahap keberkesanan rejim Malaysia dalam membanters jenayah berkaitan pengubahan wang haram. Kajian ini mendapati bahawa terdapat berbagai kesalahan yang telah dikenalpasti sebagai jenis kesalahan berat atau 'serious offence' dalam pendakwaan kes perubahan wang haram di Malaysia. Tambahan lagi, jumlah wang yang terlibat adalah dalam lingkungan antara RM9 ribu sehingga RM59 juta. Berkenaan dengan hukuman, mahkamah dianggap sebagai cenderung untuk memberikan kedua-dua hukuman penjara dan penalti denda.

Penemuan kajian ini memberi dapat memberi sumbangan kepada para pengkaji, pengamal dan penguatkuasa dalam meningkatkan tahap keberkesanan rejim undang-undang Malaysia bagi membanters jenayah berkaitan pengubahan wang haram. Meskipun kajian ini menunjukkan bahawa kes-kes perubahan wang haram lebih tertumpu kepada beberapa kesalahan berat seperti penipuan berkaitan pembelian tanah, pemalsuan dokumen seperti geran pemilikan tanah, pengelakkan duti kastam, pecah amanah, penyeludupan rokok, menerima deposit tanpa lesen, menerima rasuah serta perjudian haram bola sepak, namun kajian ini tidaklah menghadkan bahawa hanya kesalahan berat yang telah dinyatakan berkait dengan jenayah pengubahan wang haram. Malah apa yang lebih penting adalah kecenderungan mahkamah untuk memberikan hukuman penjara di samping mengenakan penalti denda. Kajian ini turut berguna kepada ahli akademik dan pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi untuk dalam memahami tumpuan kesalahan berat dan hukuman berkaitan jenayah pengubahan wang haram.

#### ULASAN KARYA

Pengubahan wang haram adalah masalah sejagat yang membawa banyak implikasi buruk kepada ekonomi sesebuah negara (Aluko & Bagheri 2012). Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) melaporkan kegiatan perubahan wang haram global telah meningkat sebanyak dua hingga lima peratus setiap tahun. Aktiviti perubahan wang haram yang telah lama berlaku di negara maju seperti Amerika telah menular ke negara membangun seperti Malaysia disebabkan kecanggihan teknologi. Dianggarkan jumlah aliran rentas sempadan hasil aktiviti jenayah adalah antara USD1 trillion dan USD1.6 trillion setahun yang mana separuh daripada negara terbabit adalah dari negara membangun (World Bank 2015). Menurut Abu Hassan (2014) daripada kajian yang dibuat oleh Malaysia National Coordination Committee to Counter Money Laundering (NCC), lima jenis jenayah yang terdedah besar kepada aktiviti perubahan wang haram di Malaysia adalah tipuan (di bawah Kanun Keseksaan Malaysia, Skim Pelaburan Haram di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan, Akta Jualan Langsung dan Anti Pramid Dan Akta Syarikat); penjualan dadah; rasuah; penyeludupan dan jenayah cukai.

Aktiviti pengubahan wang haram banyak berleluasa di industri kewangan terutamanya industri insuran (Thanasegaran & Shanmugam 2008), bank (Shanmugam & Thanasegaran 2008) dan tukaran matawang atau 'Hawala' (Shanmugam 2004). Ini kerana institusi kewangan mempunyai saiz yang besar, melakukan urusan niaga yang tinggi, pendedahan tinggi bagi transaksi berdasarkan tunai, liputan geografi yang meluas, pelbagai saluran penghantaran dan pendedahan yang tinggi untuk transaksi rentas sempadan (Abu Hassan 2014).

Untuk tempoh 2015 hingga 2016, sebanyak 201 kes pengubahan wang haram melibatkan 568 suspek telah dan sedang disiasat oleh PDRM yang mana dalam tempoh itu RM164.5 juta harta telah dibekukan, RM135.7 juta disita manakala RM27.6 juta telah dilucuthak (Utusan Malaysia 2016). Mahkamah juga telah melucuthakkan harta bernilai RM60 juta daripada kes yang disiasat di bawah AMLATFPUAA 2001. Ini dikuatkan lagi dengan laporan statistik oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) bahawa sebanyak 129 kes pengubahan wang haram telah dibawa ke mahkamah di mana 76 kes telah selesai dibicarakan. Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) melaporkan kegiatan pengubahan wang haram global telah meningkat sebanyak dua hingga lima peratus setiap tahun (UN, 1998). Individu yang pertama disabitkan dengan kesalahan pengubahan wang haram di Malaysia adalah Dr. Hamimah Idrus yang didapati bersalah atas 10 kesalahan pengubahan wang haram yang melibatkan wang sebanyak RM41.3 juta pada tahun 2012 (The Star 2012).

#### DEFINISI PENGUBAHAN WANG HARAM

Pengubahan wang haram adalah satu tindakan atau aktiviti penukaran wang atau nilai harta lain yang diperolehi dari aktiviti haram (seperti pengedaran dadah, rasuah, perdagangan senjata haram, pemerdagangan manusia, samun, jenayah dan seumpamanya) kepada wang atau pelaburan yang kelihatan sah dari segi undang-undang. Aktiviti itu dijalankan supaya sumber wang haram dan nilai-nilai material yang lain tidak dapat dikesan oleh pihak berkuasa. Menurut artikel 3(1)(b) Konvensyen Vienna 1988 jenayah pengubahan wang haram merujuk kepada 'penukaran atau pemindahan harta dengan pengetahuan bahawa harta tersebut diperolehi hasil dari jenayah atau keterlibatan dalam melakukan jenayah bertujuan menyembunyikan atau menyorok sumber asal harta tersebut'. Konvensyen Vienna lebih berkaitan dengan jenayah pengedaran dadah antara negara.

FATF telah menjelaskan pengubahan wang haram sebagai:

'memproses aktiviti jenayah yang banyak untuk memberi keuntungan kepada individu atau kumpulan dengan niat untuk menyorok sumber asal agar hasil jenayah tersebut dilihat sebagai sumber yang bersih. Jenayah yang melibatkan peras ugut wang, pengedaran dadah, penyeludupan senjata dan sebahagian jenayah kolar putih berkemungkinan memerlukan aktiviti pengubahan wang haram'

Cara pengubahan wang haram adalah melalui perbuatan menempat, menghantar, membayar, membelanja, membawa ke luar negara, menukarkan atau perbuatan lainnya atas harta kekayaan yang diketahuinya atau patut diduga merupakan hasil tindakan jenayah dengan maksud menyembunyikan atau menyamarkan asal usul harta kekayaan sehingga seolah-olah menjadi harta kekayaan yang sah (Richards, 1998). Pada asalnya pengubahan wang haram banyak dikaitkan dengan jenayah terancang yang dilakukan oleh kongsi gelap. Walau bagaimana pun, kini, lebih banyak penjenayah yang merupakan individu atau kumpulan kecil yang telah didakwa di bawah Akta ini.

AMLATFPUAA 2001 mendefinisikan aktiviti pengubahan wang haram di bawah seksyen 3, sebagai perbuatan seseorang yang:

- (a) melibatkan diri secara langsung atau tidak langsung, dalam transaksi yang melibatkan hasil daripada apa-apa aktiviti haram;
- (b) memperoleh, menerima, memiliki, menyembunyikan, memindahkan, mengubah, menukar, membawa, melupuskan, menggunakan, mengalihkan dari atau membawa masuk ke Malaysia hasil daripada apa-apa aktiviti haram; atau
- (c) merahsiakan, menyembunyikan atau menghalang pemastian sifat sebenar, sumber, lokasi, pergerakan, pelupusan, hakmilik, hak berkenaan dengan, atau pemunyaan, hasil daripada apa-apa aktiviti haram,

Jika -

- (aa) sebagaimana yang dapat disimpulkan daripada hal keadaan hakikat objektif, orang itu tahu atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa harta itu ialah hasil daripada apa-apa aktiviti haram; atau
- (bb) berkenaan dengan kelakuan orang sebenar, orang itu tanpa alasan yang munasabah tidak mengambil langkah yang munasabah untuk menentukan sama ada atau tidak harta itu ialah hasil daripada apa-apa aktiviti haram; (AMLATFPUAA 2001).

#### AKTIVITI PENGUBAHAN WANG HARAM

Aktiviti pengubahan wang haram biasanya melibatkan tiga fasa dalam iaitu: penempatan, peralihan dan integrasi. Pada peringkat penempatan, wang haram akan dimasukkan ke dalam sistem kewangan atau wang digunakan untuk membeli aset. Peringkat kedua adalah peringkat peralihan yang mana tujuannya adalah untuk menyembunyikan atau menutup sumber wang haram tersebut dengan menyimpan wang haram dalam bank atau peniagaan pihak ketiga atau menyimpan wang haram di negara yang mempunyai peraturan-peraturan kewangan yang terlalu fleksibel. Pada peringkat integrasi, wang yang dipindahkan ke dalam dunia kewangan dan dicampur dengan dana lain yang diperolehi dari sumber yang sah (Kranacher et al. 2011).

Kaedah yang digunakan oleh penjenayah untuk mengubah wang haram adalah kompleks dan pelbagai. Antaranya menggunakan beberapa institusi kewangan di untuk menyimpan wang dalam jumlah yang kecil, melabur, membeli lukisan atau barang kemas, pelaburan hartanah, membeli baucer, menubuhkan syarikat dan membeli saham. Kewujudan *internet* dan sistem perbankan secara dalam talian telah memudahkan lagi aktiviti pengubahan wang haram dan menyukarkan pihak berkuasa mengesan aktiviti tersebut. Sebagai contoh, permainan judi dalam talian, adalah satu aktiviti pengubahan wang haram yang semakin berkembang pesat dan sukar di pantau kerana bilangan syarikat kasino yang beroperasi dalam talian adalah banyak (Murphy 2013).

#### IMPLIKASI PENGUBAHAN WANG HARAM

Aktiviti pengubahan wang haram di Malaysia mesti ditangani segera oleh pihak kerajaan kerana ia boleh membawa kemusnahan kepada sesebuah negara. Menurut laporan oleh Bank Negara pada 2013, pengubahan wang haram bukan sahaja boleh menjejaskan kestabilan dan keutuhan keselamatan sesebuah negara, ia juga akan menggugat perkembangan ekonomi dan sistem kewangan negara terutamanya negara membangun seperti Malaysia. Aktiviti pengubahan wang haram akan menyebabkan kehilangan keyakinan kepada institusi kewangan kerana wang haram disatukan dengan wang sah (Rozaiha, Nafsiyah & Siti Aisyah 2015).

Kajian oleh Aluko dan Bagheri (2012) mendapati jenayah ini telah menyebabkan kemerosotan ekonomi di Nigeria yang merupakan sebuah negara membangun. Menurut kajian tersebut, kesan ini berlaku kerana negara membangun merupakan negara yang kurang rejim penguatkuasaan dan lebih bersandarkan kepada pengeluaran dagangan dan perkhidmatan. Selain itu, medium transaksi di negara membangun masih sebahagian besarnya menggunakan tunai.

Selain kesan ke atas ekonomi, jenayah pengubahan wang haram ini juga dapat memberi kuasa ekonomi kepada penjenayah untuk menggunakan wang yang dikumpulkan daripada aktiviti haram untuk tujuan mengukuhkan kedudukan mereka di kalangan masyarakat. Akibatnya lebih banyak perusahaan berteraskan jenayah akan berkembang di pasaran domestik sesebuah negara menyebabkan hilang kepercayaan pelabur asing untuk melabur di negara tersebut. Yang paling menggerunkan adalah apabila penjenayah mula menguasai sesebuah negara melalui pelaburan dalam syarikat-syarikat milik kerajaan, yang beroperasi secara sah pada asalnya, menggunakan wang haram ini.

#### PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

Pengubahan wang haram cenderung berlaku di negara-negara dan wilayah yang tidak mempunyai kepakaran, sumber, keupayaan dan kerangka kerja perundangan yang kukuh dan komprehensif bagi memerangi pengubahan wang haram (Orlova 2008). Negara-negara di Asia

Tenggara adalah satu destinasi serantau paling menarik untuk pengubah wang haram. Ini disebabkan aktiviti telah dikaitkan dengan penyalahgunaan kuasa yang banyak berlaku di negara-negara membangun seperti di rantau Asia Tenggara (Mugarura 2010). Dianggarkan satu perlima daripada pengubahan wang haram dunia berlaku dalam kawasan ini (World Bank 2015).

Kajian oleh Zakiah dan Khalijah (2012) telah mendapati, kebanyakan kes yang didakwa di bawah Akta ini lebih kepada jenayah kewangan iaitu membuat kutipan wang daripada orang awam tanpa lesen. Selain itu, kelemahan pemeriksaan kastam di pelabuhan masuk dan zon perdagangan bebas, penguatkuasaan yang tidak sekata bagi hak harta intelek dan perkhidmatan kewangan luar pesisir telah meningkatkan pendedahan Malaysia kepada aktiviti haram ini. Sebagai contoh, pada tahun 2013, beberapa laporan pengubahan wang haram yang serius di Malaysia seperti yang dilaporkan oleh akhbar antarabangsa mengenai pengubahan wang haram dalam talian terbesar dalam sejarah, Liberty Reserve, yang dikatakan menjalankan pengubahan wang haram dalam talian berjumlah USD 6 billion, melibatkan pihak ketiga untuk menerima dan membuat bayaran bagi pihak mereka, berpusat di Malaysia, Rusia, Nigeria dan Vietnam (The New York Times 2013). Selain itu, rejim pencegahan pengubahan wang haram di Malaysia belum sepenuhnya memenuhi konsep syari'ah kerana di bawah undang-undang syari'ah, hanya orang perseorang sahaja yang boleh dikenakan liabiliti jenayah dan bukannya perbadanan. Akta pengubahan wang haram membenarkan liabiliti jenayah dikenakan ke atas perbadanan atau syarikat bagi kesalahan yang dilakukan oleh ejen atau pegawai syarikat (Siti Faridah 2011).

Dalam usaha mengekang pengubahan wang haram, Malaysia telah mengubal satu undang-undang yang komprehensif berhubung pengubahan wang haram selaras dengan negara maju seperti di United Kingdom (Hamin et al. 2014). Undang-undang ini dipanggil Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001) yang telah melalui beberapa pindaan, dengan pindaan terbaru dalam tahun 2014. Rejim AMLATFPUAA 2001 di Malaysia dibangunkan berdasarkan empat tunggak utama, iaitu rangka kerja undang-undang yang komprehensif, pelaksanaan langkah pencegahan, penguatkuasaan undang-undang dan peraturan yang berkesan, serta kerjasama erat antara agensi di dalam dan luar negara.

Di bawah Akta ini juga, beberapa institusi telah dinamakan sebagai insituti pelapor yang perlu membuat laporan kepada pihak berkuasa mengenai apa-apa transaksi yang mencurigakan yang berkemungkinan ada unsur pengubahan wang haram. Termasuk dalam senarai institusi pelapor adalah adalah bank, agensi tukaran matawang, broker insuran, Pemegang Amanah Persisiran, Lembaga Tabung Haji, Perkhidmatan Pos Malaysia, Bank Simpanan Nasional, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad dan

Kasino Berlesen. Selain itu, Suruhanjaya Sekuriti, Broker Saham, Juruaudit Luaran, Peguam dan Setiausaha Syarikat juga termasuk dalam kategori pihak yang dikenalpasti perlu melaporkan sebarang transaksi yang mencurigakan (Bank Negara Malaysia 2004).

Sebagai tambahan, pihak bank juga telah diarahkan untuk melaksanakan penyemakan pelanggan atau *customer due diligence* untuk memastikan penjenayah tidak boleh menggunakan insituti kewangan di Malaysia untuk kegunaan pengubahan wang haram atau pembiayaan keganasan dengan sewenang-wenangnya (Shanmugam 2004).

Sebuah jawatankuasa kerja juga telah dibentuk bagi mengawasi aktiviti pengubahan wang haram di Malaysia (Shanmugam & Thanasegaran 2008). Jawatankuasa ini dianggotai agensi-agensi penguatkuasaan dan pengawal selia undang-undang Malaysia dan Bank Negara bertindak sebagai sekretariat induk. Antara tugas unit ini adalah meneliti laporan diterima dari institusi pelapor mengenai transaksi mencurigakan.

Berdasarkan maklumat daripada Pejabat Peguam Negara setakat 31 Mei 2010, sebanyak 94 kes pengubahan wang haram telah dibawa ke mahkamah untuk pendakwaan di bawah AMLATFPUAA membabitkan 71 orang tertuduh dan jumlah perolehan sebanyak RM1,185 juta. Daripada jumlah 94 kes tersebut, 10 kes telah berjaya disabitkan kesalahan, 3 kes didapati tidak bersalah manakala bakinya masih dalam pelbagai peringkat perbicaraan. Sejumlah RM37.69 juta harta telah dilucuthak merangkumi RM1.59 juta harta daripada 10 kes yang berjaya disabitkan kesalahan di mahkamah dan RM36.1 juta harta daripada 23 kes lain yang telah dilucuthakkan tanpa pendakwaan. Sek 56 AMLATFPUAA membenarkan harta yang disyaki diperolehi daripada aktiviti haram dilucut hak tanpa pendakwaan ke atas pesalah (Aspalela 2016). Kaedah ini merupakan satu pendekatan yang lebih berasaskan pendakwaan sivil dan bukan pendakwaan jenayah.

## KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan dalam membuat analisis bukti-bukti yang menyokong hasil kajian. Data kes berjumlah 15 diperoleh daripada *Current Law Journal (CLJ)*. CLJ merupakan pengkalan data yang mengumpulkan kes-kes yang telah diputuskan di mahkamah tinggi, rayuan dan persekutuan di Malaysia. Daripada 15 kes tersebut, hanya 13 yang disabitkan bersalah dibawah AMLATFPUAA dari tahun 2005 hingga kini. Maklumat terperinci mengenai setiap kes di analisis dari aspek jenis dakwaan, mahkamah perbicaraan, kesalahan prediket serta jenis hukuman juga dinyatakan dalam pengkalan data tersebut. Analisis perbandingan dan pengenalpastian polar dilakukan untuk mencapai objektif kajian iaitu melihat jenis jenayah predikat serta hukuman yang dikenakan ke atas penjenayah. Ringkasan jumlah kes-kes yang dianalisa adalah seperti berikut:


JADUAL 1. Pemilihan sampel dan agihan sampel

Panel A: Agihan sampel mengikut keputusan kes		
Keputusan	Bilangan kes	Peratusan
Bersalah	13	86.7
Tidak bersalah	2	13.3
	15	100

Panel B: Agihan sampel mengikut tahun		
Tahun	Bilangan kes	Peratusan
2007	1	6.7
2008	1	6.7
2009	-	-
2010	3	20.0
2011	2	13.3
2012	4	26.7
2013	-	-
2014	2	13.3
2015	-	-
2016	2	13.3
Jumlah	15	100

Corak pelaksanaan pendakwaan jenayah kes pengubahan wang haram adalah seperti berikut:



Sumber: Bank Negara Malaysia (2014)

## PENEMUAN KAJIAN

## KESALAHAN PREDIKAT

Kajian ini telah mendapati bahawa terdapat berbagai kesalahan yang telah dikenalpasti sebagai jenis kesalahan berat atau 'serious offence' dalam pendakwaan kes pengubahan wang haram di Malaysia. Di antara kesalahan berat ini termasuk penyeludupan rokok, menerima deposit tanpa lesen, menerima rasuah, penipuan berkaitan pembelian tanah, pemalsuan dokumen seperti geran pemilikan tanah, pengelakkan duit kastam, pecah amanah serta perjudian haram bola sepak (AMLATFPUAA 2001). Analisa daripada sampel kes menunjukkan kebanyakan kesalahan berat yang dilakukan dan melibatkan pengubahan wang haram serta dibawa ke mahkamah diperingkat yang lebih tinggi adalah berkaitan penipuan, diikuti dengan deposit haram, perjudian, rasuah dan penyeludupan. Jadual 2 menunjukkan pecahan kesalahan berat yang dilakukan dan melibatkan pengubahan wang haram.

JADUAL 2. Agihan sampel mengikut kesalahan berat

Kesalahan berat	Bilangan kes	Peratusan
Rasuah	1	6.7
Pemalsuan dan penipuan	8	53.3
Penyeludupan	1	6.7
Perjudian haram	2	13.3
Deposit haram	3	20
Jumlah	15	100

Jumlah wang yang terlibat adalah dalam lingkungan antara RM9 ribu sehingga RM59 juta. Jumlah yang paling rendah adalah RM9,000 dalam kes *Abd Karim Jalil lawan Pendakwa Raya* yang melibatkan tuduhan pemalsuan dokumen dalam transaksi pindah milik tanah. Bilangan pertuduhan yang dibuat dalam setiap kes adalah bergantung kepada bilangan transaksi pindahan wang. Dalam kes *Ibrahim Salleh lawan Pendakwa Raya*, sebanyak 50 pertuduhan telah dibuat dibawah sek 4(1) AMLATFPUAA 2001. Keputusan yang dijatuhkan adalah 3 tahun penjara bagi setiap tuduhan.

Dalam kesemua kes yang dikaji kesalahan pengubahan wang haram hanya boleh didakwa jika dapat dibuktikan bahawa wang haram tersebut telah digunakan atau dipindahkan ke pihak atau akaun lain. Contoh dalam kes *Saadiah Bt Nahar dan Pendakwa Raya*, tuduhan pengubahan wang haram untuk transaksi pemindahan wang yang tidak lengkap telah digugurkan daripada dakwaan tersebut. Dalam kes ini, tertuduh telah melakukan beberapa pindahan wang yang termasuk di antaranya penggunaan cek bank yang belum sempat ditunaikan oleh bank penerima. Dalam kes ini, dakwaan pengubahan wang haram ke atas transaksi ini telah digugurkan.

## HUKUMAN

Dalam keseluruhan kes, mahkamah dianggap sebagai cenderung untuk memberikan hukuman penjara di samping

menggenakan penalti denda (Jadual 3). Terdapat beberapa kes seperti kes *Pendakwa Raya lawan Ong She Seng* di mana terdapat pesalah yang telah merayu agar hukuman penjara digugurkan dan memohon pihak mahkamah agar hanya memberikan hukuman denda. Namun mahkamah bertegas dengan hukuman penjara atas alasan bahawa hukuman ini bukan hanya sebagai pengajaran kepada tertuduh tetapi juga kepada pihak yang berniat untuk melakukan kesalahan yang sama di masa akan datang. Julat hukuman penjara adalah antara penjara adalah antara 5 bulan dan 7 tahun. Jangkamasa hukuman penjara yang paling singkat, iaitu 5 bulan, adalah untuk kes pemalsuan dokumen *AB Karim Jalil lwn Pendakwa Raya* yang melibatkan wang berjumlah RM9,000. Walau bagaimana pun, bagi hukuman penjara untuk kesalahan-kesalahan di bawah sek 4(1) mahkamah memutuskan hukuman penjara berjalan secara serentak. Ini boleh menimbulkan persoalan sama ada pesalah benar-benar mendapat pengajaran daripada hukuman penjara yang dijatuhkan oleh mahkamah jika sekiranya mahkamah memerintahkan hukuman itu dijalankan secara serentak. Sebagai contoh dalam kes *Saadiah Bt Nahar dan Pendakwa Raya*, sebanyak 11 pertuduhan telah dikenakan ke atas orang kena tuduh yang mana tempoh hukuman penjara yang diberikan oleh mahkamah adalah antara 1 tahun sehingga 3 tahun penjara. Jika dijumlahkan kesemua hukuman penjara tersebut adalah selama 19 tahun penjara tetapi orang kena tuduh hanya perlu menjalani hukuman penjara 7 tahun kerana sebahagian daripada hukuman tersebut dijalankan secara serentak

Berhubung hukuman denda, dalam kebanyakan kes, jumlah hukuman adalah sama dengan jumlah wang yang dipindahkan. Contohnya dalam kes *Pendakwa Raya lwn Gan Kiat Bend & Kes Lain* di mana tertuduh didakwa di bawah 4 empat pertuduhan yang berasaskan transaksi pindahan wang yang dilakukan. Tertuduh telah didapati bersalah untuk kesemua pertuduhan tersebut. Untuk pertuduhan pertama, tertuduh telah didakwa menerima wang haram berjumlah RM2 juta. Untuk pertuduhan ini, tertuduh telah didapati bersalah dan dikenakan 5 tahun penjara dan denda di bawah sek 55(2) AMLATFPUAA 2001 berjumlah RM2 juta.

JADUAL 3. Keputusan mahkamah

Hukuman	Bilangan kes
<i>Penjara</i>	
5 bulan - 3 tahun	4
4 - 7 tahun	3
Lebih 7 tahun	1
Jumlah	8
<i>Denda</i>	
Kurang 1 juta	1
Lebih 1 juta	4
Bersamaan jumlah pengubahan wang	1
Jumlah	6
Jumlah keseluruhan	14

Walaupun hampir 76 kes pengubahan wang haram telah diadili oleh mahkamah (termasuk mahkamah rendah), tidak semua kes tersebut memberi keputusan seperti yang diharapkan. Terdapat beberapa kes yang mana kegagalan pihak pendakwa membuktikan wang yang disabitkan itu datang daripada aktiviti haram, menyebabkan mahkamah membebaskan orang kena tuduh dari pendakwaan. Beban membuktikan harta yang ingin disita atau dibeku adalah hasil secara langsung daripada aktiviti jenayah berat adalah pada pihak pendakwa untuk menyakinkan mahkamah dan ini merupakan satu perkara yang sukar. Ini dapat dilihat dalam kes *PP v. Thong Kian Oon & Ors* yang mana kegagalan pihak pendakwa memberi bukti yang menyakinkan mahkamah bahawa harta tersebut adalah diperolehi daripada hasil aktiviti haram menyebabkan kes pendakwa raya ditolak oleh mahkamah dan pihak kena tuduh dibebaskan dan harta tersebut dipulangkan kembali kepadanya.

#### RUMUSAN

Jika dilihat daripada sudut empirikal, adalah mustahil untuk menilai secara langsung sejauh mana rejim undang-undang pengubahan wang haram telah berjaya mengurangkan jumlah aktiviti jenayah kolar putih, rasuah, pengedaran dadah dan lain-lain aktiviti pasaran haram. Dengan ketiadaan data yang menyeluruh mengenai semua aktiviti jenayah berat yang tergolong dalam AMLATFPUAA 2001, adalah sukar untuk mengukur keberkesanan undang-undang ini.

Kajian ini telah menganalisis keputusan mahkamah untuk kes jenayah pengubahan wang haram di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001. Sebanyak 15 kes berkaitan yang diputuskan oleh mahkamah tertinggi di Malaysia dan analisis telah dilakukan terhadap keputusan yang telah diberikan. Walaupun ada kes-kes lain yang membincangkan undang-undang AMLATFPUAA 2001, 15 kes ini di pilih kerana mahkamah dalam kes tersebut mengupas penafsiran jenayah predikat dan pembuktian wang haram manakala kes-kes lain membincangkan isu pelanggaran hak perlembagaan, pelucuthakkan oleh pendakwa raya yang dilihat tidak berkaitan dengan tema artikel ini. Berdasarkan dapatan kajian, kesalahan berat yang dilakukan adalah seperti menerima rasuah, penipuan berkaitan pembelian tanah, pemalsuan dokumen kerajaan, penyeludupan rokok, menerima deposit tanpa lesen, pengelakkan duti kastam, pecah amanah dan perjudian haram. Dari aspek hukuman pula, mahkamah telah mengenakan kedua-dua hukuman penjara dan penalti denda. Walaupun terdapat rayuan daripada tertuduh untuk dikenakan hukuman denda sahaja dan bukannya penjara, mahkamah telah mengambil kaedah mendidik iaitu mengenakan hukuman penjara yang bertujuan untuk memberi pengajaran kepada pesalah dan orang awam yang lain untuk tidak melakukan jenayah yang sama. Manakala denda yang dikenakan adalah bersamaan dengan jumlah

wang haram yang terlibat dalam kes tersebut. Begitu juga, daripada hasil kajian, kesalahan-kesalahan berat adalah dilakukan oleh individu atau kumpulan individu dan belum ada kes yang dibicarakan di mahkamah yang melibatkan institusi kewangan seperti bank kerana kegagalan mematuhi peraturan dan perundangan AMLATFPUAA 2001.

Hasil kajian boleh memberi gambaran bahawa pihak mahkamah di Malaysia memandang serius terhadap jenayah pengubahan wang haram ini. Walau bagaimana pun, setakat ini, hanya jenayah pengubahan wang haram dan hasil daripada aktiviti haram sahaja yang telah diputuskan oleh mahkamah di bawah AMLATFPUAA 2001 sedangkan jenayah pembiayaan keganasan masih belum ada dibicarakan oleh mana-mana hakim di mahkamah Malaysia.

#### PENGHARGAAN

Penyelidikan ini menggunakan dana penyelidikan ERGS/1/2013/SS05/UKM/03/1.

#### RUJUKAN

- Abu Hassan, A.Y. 2014. *Results of the national risk assessment on money laundering and terrorist financing*. Paper presented at the International Conference on Financial Crime and Terrorism Financing. Retrieved from <http://www.bnm.gov.my/>
- Aishah Mohd Rose & Anor lwn. PP [2016] 1 CLJ 529. Retrieved from <http://www.cljlaw.com/>
- Akta Pencegahan Pengubahan Wang haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA). 2001. Retrieved from [http://www.bnm.gov.my/documents/act/bm\\_amlatfa\\_v3.pdf](http://www.bnm.gov.my/documents/act/bm_amlatfa_v3.pdf)
- Aluko, A. & Bagheri, M. 2012. The impact of money laundering on economic and financial stability and on political development in developing countries: The case of Nigeria. *Journal of Money Laundering Control* 15(4): 442-457.
- Aspalella, A.R. 2016. Anti-money laundering law: a new legal regime to combat financial crime in Malaysia? *Journal of Financial Crime* 23(3): 533-541.
- Azmi Bin Osman lwn. PP (2014) 6 Current Law Journal 110. Retrieved from [http://www.cljlaw.com/others/clj\\_bulletin/Bulletin\\_28\\_2014.htm](http://www.cljlaw.com/others/clj_bulletin/Bulletin_28_2014.htm)
- Bank Negara Malaysia. 2014. List of Serious Offences under Second Schedule of AMLA and Respective Law Enforcement Agencies (LEAs). Retrieved from <http://amlcft.bnm.gov.my/document/ListofSeriousOffences20Dec2014.pdf>.
- Hamin, Z., Rosalili Wan Rosli, W., Omar, N. & Armadajaya Pengiran Awang Mahmud, A. 2014. Configuring criminal proceeds in money laundering cases in the UK. *Journal of Money Laundering Control* 17(4): 374-384.
- Ibrahim bin Salleh lwn Public Prosecutor (2012) MLJU 1357. Retrieved from [www.lexisnexis.com.my/](http://www.lexisnexis.com.my/)
- Kar, D. & Spanjers, J. 2014. *Illicit financial flows from developing countries, 2003-2012*. . Washington, DC: Global Financial Integrity. Retrieved from <http://www.gfintegrity.org/wp-content/uploads/2014/12/Illicit-Financial-Flows-from-Developing-Countries-2003-2012.pdf>
- Khor Peng Chai Dan 12 Lagi lwn. Bank Negara Malaysia & 1 Lagi (2010) R2-25-425-2010. Retrieved from <http://kl.kehakiman.gov.my/sites/kl.kehakiman.gov.my/attachments/R2-25-425-2010.pdf>

- Kranacher, M.-J., Riley, R. & Wells, J.T. 2010. *Forensic accounting and fraud examination*. USA: John Wiley & Sons.
- Leong Kok Huat Iwn. P.P. (1998) *Malayan Law Journal* (6): 406-410. Retrieved from [www.lexisnexis.com.my/](http://www.lexisnexis.com.my/)
- Mugarura, N. 2011. The institutional framework against money laundering and its underlying predicate crimes. *Journal of financial regulation and compliance* 19(2):174-194.
- Mugarura, N. 2010. The effect of corruption factor in harnessing global anti-money laundering regimes. *Journal of Money Laundering Control* 13(3): 272-281.
- Murphy, C. 2013. *Money Laundering and the Casino Industry: Findings from a Doctoral Study*. Germany: Max-Planck-Inst. für Ausländisches und Internat. Strafrecht.
- Orlova, A.V. 2008. Russia's anti-money laundering regime: law enforcement tool or instrument of domestic control? *Journal of Money Laundering Control* 11(3): 210-233.
- Pendakwa Raya Iwn. Ab Karim Jalil (2012) Case No. S-42-16/7-2012. Retrieved from [http://www.highcourt.sabah.sarawak.gov.my/apps/highcourt/sabah/modules/highcourt\\_cap/components/publishing/index3\\_judgment\\_list.php?offset=50&judge\\_id=87&search\\_year=2013&crtcat=1](http://www.highcourt.sabah.sarawak.gov.my/apps/highcourt/sabah/modules/highcourt_cap/components/publishing/index3_judgment_list.php?offset=50&judge_id=87&search_year=2013&crtcat=1)
- Pendakwa Raya Iwn. Gan Kiat Bend & Kes lain (2011) 8 Current Law Journal 951. Retrieved from <http://www.cljlaw.com/>
- Pendakwa Raya Iwn. Ong She Seng (2007) Rayuan Jenayah No. 42-82-2007. Retrieved from <http://selangor.kehakiman.gov.my/>
- Pendakwa Raya Iwn. Thong Kian Oon & Ors (2012) 8 CLJ 119. Retrieved from <http://www.cljlaw.com/>
- Pendakwa Raya Iwn. Syarikat OL Multi Trading & Anor (2015). Retrieved from <http://www.cljlaw.com/>
- Pendakwa Raya Iwn. Victory Connection & Ors (2013) Case No: LBN-44-1-9-2013. Retrieved from <http://www.cljlaw.com/>
- Richards, J.R. 1998. *Transnational criminal organizations, cybercrime, and money laundering: A handbook for law enforcement officers, auditors, and financial investigators*. Florida: CRC press.
- Rozaiha, A.M., Nafsiah, M. & Siti Aisyah, B. 2015. *Insight of Money Laundering Activities in Malaysia*. Paper presented at the The 2nd International Public Sector Conference 2015, Mercure Hotel, Surabaya.
- Saadiah Bt Nahar dan Pendakwa Raya (2010) (Criminal Appeal No.42-4-2010). Retrieved from [http://jsdemo.sains.com.my/apps/highcourt/v3\\_live/modules/highcourt\\_cap/components/publishing/index\\_judgment\\_showfile.php?id=4b0f0d30b534344b323436b334323433300300&type=JD2](http://jsdemo.sains.com.my/apps/highcourt/v3_live/modules/highcourt_cap/components/publishing/index_judgment_showfile.php?id=4b0f0d30b534344b323436b334323433300300&type=JD2)
- Shanmugam, B. 2005. Hawala and money laundering: a Malaysian perspective. *Journal of Money Laundering Control* 8(1): 37-47.
- Shanmugam, B., & Thanasegaran, H. 2008. Combating money laundering in Malaysia. *Journal of Money Laundering Control* 11(4): 331-344.
- Siti Faridah, A.J. 2011. Money laundering laws and principles of Shari'ah: dancing to the same beat? *Journal of Money Laundering Control* 14(3): 198-209.
- Santora, M., Rashbaum, W.K. & Perlroth, N. (2013, May 29). Online currency exchange accused of laundering \$6 billion. *The New York Times*. Retrieved from <http://comment-news.com/source/www.nytimes.com/2013/05/29/nyregion/liberty-reserve-operators-accused-of-money-laundering.html/>
- Thanasegaran, H. & Shanmugam, B. 2008. Exploitation of the insurance industry for money laundering: the Malaysian perspective. *Journal of Money Laundering Control* 11(2): 135-145.
- Yvonne, T. (2009, April 17). Preventing financial crimes. *The Star*. Retrieved from <https://www.thestar.com.my/business/business-news/2009/04/17/preventing-financial-crimes/>
- Dr Hamimah gets 38 years jail, RM6.39mil fine for money laundering (2012, March 21). *The Star*. Retrieved from <https://www.thestar.com.my/news/nation/2012/03/21/dr-hamimah-gets-38-years-jail-rm639mil-fine-for-money-laundering/>
- Maszureen, H, Nuraina Hanis, A.H. (2016, Mei 1). 201 kes pengubahan wang haram disiasat. *Utusan Malaysia*. Retrieved from <http://www.utusan.com.my/berita/jenayah/201-kes-pengubahan-wang-haram-disiasat-1.300588>
- United Nation General Assembly. 1998. UN General Assembly Special Session on the World Drug Problem. Retrieved from <http://www.un.org/ga/20special/featur/lauder>
- United Nations Office for Drug Control and Crime Prevention, UN 2004. *United Nations Convention against transnational organized crime and the protocols thereto*. Retrieved from [https://www.unodc.org/documents/middleeastandnorthafrica/organised-crime/UNITED\\_NATIONS\\_CONVENTION\\_AGAINST\\_TRANSNATIONAL\\_ORGANIZED\\_CRIME\\_AND\\_THE\\_PROTOCOLS\\_THERETO.pdf](https://www.unodc.org/documents/middleeastandnorthafrica/organised-crime/UNITED_NATIONS_CONVENTION_AGAINST_TRANSNATIONAL_ORGANIZED_CRIME_AND_THE_PROTOCOLS_THERETO.pdf)
- United Nations Treaty Collection (UNTC). 2012. United Nations Convention against Transnational Organized Crime. Retrieved from [https://treaties.un.org/pages/ViewDetails.aspx?src=TREATY&mtdsg\\_no=XVIII-12&chapter=18&clang=\\_en#EndDec](https://treaties.un.org/pages/ViewDetails.aspx?src=TREATY&mtdsg_no=XVIII-12&chapter=18&clang=_en#EndDec)
- World Bank. 2015. Retrieved from <http://www.worldbank.org/en/topic/financialmarketintegrity/overview#1>.
- World Bank. 2013. Retrieved from <http://www1.worldbank.org/finance/assets/images/02-hap02-f.qxd.pdf>
- Zakiah, M.M. & Khalijah, A. 2012. Investigation and prosecution of money laundering cases in Malaysia. *Journal of Money Laundering Control* 15(4): 421-429.

Khalijah Ahmad\*  
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi Selangor  
MALAYSIA  
E-mail: [khalijah@ukm.edu.my](mailto:khalijah@ukm.edu.my)

Amirul Nasir  
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi Selangor  
MALAYSIA  
E-mail: [amirul@ukm.edu.my](mailto:amirul@ukm.edu.my)

Zakiah Muhammaddun Mohamed (the late)  
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi Selangor  
MALAYSIA

\*Corresponding author